

## **Kesan Perbelanjaan Awam Terhadap Pembangunan Pendidikan Di Malaysia**

Mohd Nizam Tajul Arus  
Fakulti Ekonomi Dan Pengurusan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
E-mel: [mohdnizamta@gmail.com](mailto:mohdnizamta@gmail.com)

### **ABSTRAK**

Kajian ini berkaitan sektor pendidikan yang merupakan sektor yang penting terhadap pembangunan setiap negara dan peruntukan untuk sektor tersebut sentiasa mendapat perhatian setiap negara dan mendapat peruntukan yang besar setiap tahun bagi memastikan setiap masyarakat mendapat peluang pendidikan melalui penyediaan akses pendidikan menyeluruh. Walau bagaimanapun wujud persoalan adakah dengan memperuntukkan sejumlah wang besar terdapat pendidikan, dapat meningkatkan pencapaian pendidikan sesebuah negara. Oleh kajian ini cuba melihat hubungan antara perbelanjaan kerajaan dengan pencapaian pendidikan di Malaysia. Objektif kajian ini adalah untuk melihat prestasi perbelanjaan pendidikan di Malaysia berbanding dengan sektor-sektor lain secara umum serta kesan perbelanjaan pendidikan awam terhadap pencapaian pendidikan. Data-data yang digunakan adalah berkaitan dengan perbelanjaan Kerajaan dalam sektor pendidikan, enrolmen pelajar sekolah menengah, pendapatan perkapita, kadar kemiskinan dan pelbagai data yang menunjukkan pencapaian pendidikan di Malaysia.

Hasil daripada penilaian yang telah dibuat secara kualitatif, Malaysia telah memperlihatkan peningkatan dalam pencapaian pendidikan melalui pelbagai indikator yang ditunjukkan. Namun apabila kaedah ekonometrik digunakan dalam menilai hubungan perbelanjaan kerajaan dengan pencapaian pendidikan, keputusan adalah tidak signifikan. Dalam beberapa penemuan oleh pengkaji lain juga menjelaskan bahawa wujud hubungan yang tidak konsisten antara kedua-dua variabel tersebut. Secara umumnya Kerajaan Malaysia sangat memberi fokus kepada sektor pendidikan yang merupakan salah satu sektor terpenting dalam pembangunan Negara. Oleh itu, Kerajaan memperuntukkan bajet yang amat signifikan setiap tahun kepada sektor pendidikan. Namun dalam kehairahan Kerajaan menyediakan peruntukan yang besar kepada sektor pendidikan, adalah amat penting dipastikan bahawa sumber tersebut digunakan secara efektif dan efisien bagi memastikan impak yang signifikan dapat dinikmati dalam pencapaian pendidikan Malaysia.

Kata kunci: pendidikan, bajet, pencapaian pendidikan, pembangunan sumber manusia, perbelanjaan awam

### **ABSTRACT**

*This study is regarding education sector which is important sector to the development of every country and the bajet for that sector always very significant in order to make sure the pupil get the education opportunity through education access. So, in this study we will look on the relationship between education expenditure with education achievement. Education expenditure do enhance the infrastructure of the system. More school developed, enhance enrolment and other indicators that support the education achievement. Question arise whether put a big allocation to the education sector will improve their achievement. Due to that, this study will look on the relationship between education expenditure with education achievement in Malaysia.*

*The objective of this study to look on the education performance in Malaysia compare to other sectors and implication on government expenditure in education to the education achievement. The data used in this study including government expenditure in education, secondary school enrolment, per capita income, poverty incident and other data that can overview Malaysian achievement in education. This study using qualitative and quantitative method. From this study we can see Malaysia show a lot of achievement in education through a few indicators but at the same time by using econometric method, there are no significant relation between government expenditure and education achievement. Malaysian government focus on education sector as one of the important sector. Malaysia put a significant Bajet yearly to the sector. But what is more important is to make the allocation used effectively and efficiently in order to get big impact for the education achievement.*

*Keyword: Education, Education expenditure, Education achievement, Government expenditure*

## PENGENALAN

Pendidikan terbahagi kepada dua iaitu pendidikan formal dan pendidikan tidak formal. Pendidikan formal mempunyai institusi yang jelas strukturnya dan disediakan mengikut umur yang meliputi pendidikan rendah, menengah (rendah dan atas) serta tertiar. Pendidikan tak formal pula mempunyai sifat yang lebih luas dan merujuk kepada proses pendidikan sebagai aktiviti yang tiada penghujung. Musgrave (1969) mengkategorikan pendidikan sebagai barang merit iaitu barang swasta untuk penggunaan individu yang ditawarkan secara awam kerana mempunyai faedah-faedah luaran yang tinggi dari penggunaannya serta dianggap penting bagi individu yang menggunakannya pada tahap atau kuantiti yang bersesuaian. Kerajaan memainkan peranan penting dalam membekalkan barang merit kerana individu mengalami pelbagai kekangan dan tidak dapat menggunakan barang tersebut dengan secukupnya. Sistem pendidikan penting dalam mengembangkan pengetahuan masyarakat dan seterusnya mempengaruhi proses pembangunan negara. Sumbangan pendidikan kepada pembangunan negara dapat dilihat menerusi dua pendekatan iaitu peranan pendidikan dari segi mikro dan peranan pendidikan daripada segi makro. Ahli-ahli ekonomi seperti Adam Smith, John Stuart Mill dan Alfred Marshall berpendapat pendidikan adalah baik dan diperlukan untuk pertumbuhan ekonomi sesebuah negara. Perbelanjaan pendidikan kerajaan dianggap merupakan pelaburan dalam modal manusia yang akan mendatangkan pulangan pada masa hadapan. Malaysia turut mencatatkan perbelanjaan bagi semua tahap pendidikan sebagai peratus jumlah perbelanjaan kerajaan antara yang tertinggi mengikut perbandingan 102 negara di seluruh dunia yang pada tahun 2008.

Kerajaan Malaysia memperuntukkan bajet yang besar terhadap sektor pendidikan sama ada dalam bajet tahunan dan Rancangan Malaysia. Oleh itu kajian ini adalah untuk melihat trend perbelanjaan terhadap sektor pendidikan dan kesan perbelanjaan tersebut terhadap pencapaian pendidikan di Malaysia sepanjang tempoh Rancangan Malaysia. Dua elemen utama dalam akses pendidikan adalah untuk memastikan semua kanak-kanak bersekolah dan memastikan mereka kekal berada dalam sekolah untuk minimum tahun persekolahan. Sistem pendidikan Malaysia telah mencapai banyak kemajuan sejak negara merdeka pada 1957. Akses pendidikan Malaysia telah berkembang pesat dan telah mendapat pengiktirafan oleh Bank Dunia pada 2011 dan Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (2005) yang telah meletakkan kejayaan Malaysia mencapai pendidikan rendah sejagat dan di antara faktor yang dikenalpasti adalah Pelaburan Kerajaan dalam pendidikan. Malaysia secara umum telah mencatatkan enrolmen 96% untuk pendidikan peringkat rendah dan berjaya mengurangkan kadar keciciran daripada 3% (1989) kepada sekitar 0.2% (2011). Sementara kadar enrolmen peringkat menengah rendah telah mencapai 91%. Bagi kadar enrolmen pendidikan menengah atas telah mencapai hampir 2 kali ganda iaitu mencapai 81% berbanding 45% (1980-an).

Pada 2011 perbelanjaan pendidikan asas mencecah RM37 bilion yang meliputi perbelanjaan pembangunan dan mengurus. Dalam kajian semula bank dunia 2011 telah mendapati perbelanjaan awam Malaysia pada pendidikan asas seperti pra sekolah hingga menengah sebagai peratus KDNK adalah melebihi dua kali ganda negara ASEAN dan 1.6% lebih tinggi daripada Korea Selatan, Hong Kong, Jepun dan Singapura. Perbelanjaan pendidikan sebagai peratus perbelanjaan Kerajaan juga adalah tinggi iaitu 16% pada 2011. Perbandingan dengan negara serantau seperti Thailand, Indonesia, Singapura, Hong Kong, Korea Selatan dan Jepun serta sebagai KDNK per kapita negara setaranya Mexico dan Chile, Malaysia adalah tertinggi kecuali berbanding Thailand. Perbelanjaan Malaysia juga hampir dua kali ganda purata OECD, sebanyak 8.7% daripada perbelanjaan Kerajaan. Dari segi perbelanjaan berasaskan murid menunjukkan perbelanjaan Malaysia adalah lebih tinggi berbanding negara dengan KDNK per kapita yang setara. Malaysia berbelanja lebih kurang USD1,800 bagi setiap murid setahun (Perbelanjaan sekolah rendah dan menengah sahaja). Walaupun akses kepada pendidikan asas adalah tinggi di Malaysia, kajian UNESCO pada 2011 mendapati enrolmen pendidikan rendah tidak terus berkembang berbanding dengan negara serantau paling maju seperti Korea Selatan dan Jepun yang mempunyai kadar penyertaan hampir 100%. Perbelanjaan yang tinggi yang disediakan oleh Kerajaan terhadap sektor pendidikan dapat diterjemahkan kepada keberhasilan murid yang lebih baik dari segi akses di pelbagai peringkat pengajian namun tidak semestinya dari aspek kualiti pelajar. Malaysia telah melaburkan sumber yang signifikan bagi pembangunan infrastruktur terutamanya di kawasan luar bandar dan pedalaman Sabah serta Sarawak serta meningkatkan saiz tenaga pengajar bagi membolehkan peningkatan akses kepada pendidikan. Perbelanjaan yang tinggi telah diterjemahkan kepada akses hampir sejagat bagi pendidikan rendah dan peningkatan signifikan akses kepada

pendidikan menengah serta penambahan bilangan Pusat Pengajian Tinggi (IPT). Tetapi tahap perbelanjaan yang lebih tinggi tidak semestinya dikaitkan dengan keberhasilan lebih baik. Prestasi Malaysia masih ketinggalan di belakang beberapa negara yang membelanjakan jumlah yang sama atau lebih rendah. Thailand dan Chile mencapai keberhasilan murid yang setanding atau lebih baik daripada Malaysia. Persoalan-persoalan seperti adakah peruntukan cukup untuk sektor pendidikan, adakah perbelanjaan dibuat atas perkara-perkara yang betul serta mengikut keutamaan, adakah meningkatkan perbelanjaan akan memberi kesan kepada pencapaian pendidikan atau sebaliknya. Kajian ini dibuat untuk melihat hubungan antara perbelanjaan dengan pencapaian pendidikan dengan memberikan perhatian khusus terhadap Prestasi Perbelanjaan pendidikan di Malaysia berbanding sektor-sektor lain.

## KAJIAN LITERATUR

Pendidikan awam merupakan salah satu sub sektor yang dibiayai terus secara langsung oleh Kerajaan. Ini jelas menunjukkan kepentingan sektor pendidikan kepada pembangunan ekonomi dan sosial sesebuah negara sememangnya tidak dapat dinafikan lagi. Beberapa kajian lepas yang melihat secara langsung antara perbelanjaan pendidikan dan pencapaian-pencapaian yang boleh diukur memperlihatkan keputusan yang bercampur-campur dan adakalanya tidak konsisten serta tidak jelas. Beberapa kajian lepas mengenai hubungan antara perbelanjaan dan pencapaian pendidikan menyimpulkan bahawa perbelanjaan memainkan peranan yang penting terhadap pencapaian pendidikan (*Hedges et al. 1994*). Pendapat beliau ini juga disokong dengan bukti empirikal seperti kajian-kajian yang dijalankan oleh *Akerhielm (1995)*, *Card dan Kruger (1992a,b, 1996)*, *Dolan dan Schmidt (1987)*, *Word (1990)*, *Ferguson (1991)*, *Sander (1993)*, *Ferguson dan Ladd (1996)*, *Ludwig dan Bassi (1997)* dan *Figlio (1997b)*. Dalam jurnal *Public Spending And Outcomes: Does Governance Matter* oleh Adrew Sunil dan Vinaya Swaroop (2007) yang cuba melihat hubungan antara perbelanjaan awam dan kesannya mendapati. Apa yang boleh disimpulkan dalam penemuan berkenaan hubungan antara perbelanjaan awam dengan pencapaian pendidikan adalah bercampur-campur dan tidak konsisten. Bruce D. Baker dalam *Revisiting The Age-Old Question: Does Money Matter in Education* membincangkan apakah perbelanjaan pendidikan di Amerika Syarikat mempunyai korelasi terhadap pencapaian pendidikan. James Coleman dalam laporan bertajuk *Equality of Educational Opportunity* mendapati wujud sedikit hubungan sumber-sumber pembiayaan dan pencapaian pendidikan. Dengan menggunakan kaedah statistik yang terhad Coleman mendapati wujud korelasi yang kuat pencapaian pendidikan dengan faktor-faktor di luar sekolah seperti pendapatan ibu bapa, tahap pendidikan dan sumber-sumber yang terdapat di rumah. Coleman juga mendapati kriteria guru adalah berhubungkait secara positif dengan pencapaian pendidikan. Eric Hanushek (1986) menyatakan bahawa peruntukan kewangan tidak mampu memberi kesan dalam meningkatkan pencapaian pendidikan. Greenwald, Hedges dan Laine (1996) yang melihat perbelanjaan pendidikan untuk setiap pelajar mendapati terdapat hubungan yang kuat antara perbelanjaan per-pelajar (PPE) dengan pencapaian dalam pendidikan. Sementara itu Greenwald, Hedges dan Laine menyimpulkan bahawa peningkatan perbelanjaan pendidikan boleh dihubungkan dengan peningkatan yang signifikan terhadap pencapaian dalam pendidikan. Penemuan ini sangat berlawanan dengan penemuan oleh Hanushek sebelum ini. Harold Wenglinsky (1996) melihat penilaian input kewangan secara lebih terperinci memperlihatkan pencapaian pendidikan yang pelbagai.

Menurut laporan *The National Center For Education Statistik*, Kerajaan Amerika Syarikat USD553 bilion untuk pendidikan rendah dan pendidikan menengah bagi tahun 2006-2007 iaitu 4.2% daripada KDNK Amerika Syarikat. Secara puratanya perbelanjaan bagi seorang pelajar telah meningkat dari USD4,060 (1970-71) kepada USD9,266 (2004-05). Ini bermakna setiap pelajar akan membelanjakan lebih kurang USD111,000 untuk menghabiskan pendidikan rendah dan menengah (lebih kurang 12 tahun). Dari segi sejarahnya Amerika Syarikat sentiasa membelanjakan jumlah yang tinggi untuk pendidikan sepanjang masa. Secara purata antara tahun 1994 – 2004, perbelanjaan bagi seorang pelajar di sekolah awam Amerika Syarikat meningkat 23.5 peratus. Walaupun perbelanjaan pendidikan bagi setiap pelajar telah meningkat 2 kali ganda di Amerika Syarikat, keputusan peperiksaan *Long Term National Assesment of Educational Progress (NAEP)* mencatatkan keputusan yang tidak meningkat secara relatif bagi setiap peringkat umur. Sementara itu dalam purata enrolmen graduan baru bagi sekolah awam di Amerika Syarikat memperlihatkan pencapaian yang setara. Pada tahun 1990 – 1991, purata enrolmen adalah 73.7% dan bagi tahun 2004-2005 hanya memperlihatkan peningkatan kepada 74.7% sahaja.

Dalam usaha untuk mencapai status negara maju, Malaysia mencatatkan jumlah perbelanjaan awam kepada pendidikan melebihi 20 peratus KDNK. Malaysia merupakan salah sebuah negara yang mencatatkan perbelanjaan awam yang tinggi dalam membangunkan sektor pendidikan. Dalam

Rancangan Malaysia Ke-9, Kerajaan Malaysia telah memperuntukkan RM45.15 bilion bagi pembangunan pendidikan dan latihan berbanding RM42.37 bilion dalam Rancangan Malaysia Ke-8. Pada 2011 perbelanjaan awam bagi pendidikan adalah 3.8 peratus daripada KDNK lebih tinggi daripada purata OECD iaitu 3.4 peratus. Pada 2011 juga Malaysia memperuntukkan RM37 bilion untuk perbelanjaan pendidikan asas dan RM12 bilion untuk pendidikan tinggi. Kajian semula Bank Dunia 2011 mendapati bahawa perbelanjaan awam Malaysia terhadap pendidikan asas melebihi dua kali ganda negara ASEAN lain (3.8 peratus berbanding 1.8 peratus) dan 1.6 peratus lebih tinggi daripada ekonomi Korea Selatan, Hong Kong, Jepun dan Singapura. Perbelanjaan pendidikan Malaysia adalah lebih tinggi berbanding Thailand, Indonesia, Singapura, Hong Kong, Korea dan Jepun. Perbelanjaan berasaskan per murid menunjukkan perbelanjaan Malaysia juga adalah tinggi berbanding dengan negara KDNK per kapita yang setara. Malaysia membelanjakan USD1,800 untuk seorang murid setahun. Walaupun akses kepada pendidikan asas Malaysia adalah tinggi dan ada antaranya mencapai tahap sejagat, jika dilihat kajian oleh UNESCO 2011 mengenai dasar pendidikan Malaysia mendapati bahawa enrolmen pendidikan rendah tidak terus berkembang berbanding negara serantau paling maju seperti Korea Selatan dan Jepun yang mempunyai kadar penyertaan hampir 100 peratus. Sementara bagi kadar penyertaan pendidikan menengah atas meningkat tetapi kadar tersebut masih rendah jika dibandingkan dengan negara serantau yang lebih maju seperti Korea Selatan dan Jepun yang melebihi 90 peratus. Keputusan peperiksaan awam menunjukkan peningkatan berterusan prestasi murid. Membandingkan pencapaian dalam peperiksaan dengan tanda aras antarabangsa bagi melihat adakah Malaysia bergerak seiring dengan pembangunan pendidikan antarabangsa selepas memperuntukkan peratusan perbelanjaan awam yang tinggi setiap tahun. Namun prestasi Malaysia dalam TIMMS menurun antara tahun 1999 dan 2007. Keputusan PISA 2009 menunjukkan daripada 74 buah negara peserta, Malaysia berada dalam kelompok sepertiga terbawah serta lebih rendah daripada purata antarabangsa dan OECD.

**METODOLOGI KAJIAN**

Matlamat utama kajian ini adalah untuk melihat hubungan sumbangan perbelanjaan kerajaan dalam mempengaruhi pencapaian pendidikan negara. Pada masa yang sama, apakah pendapatan perkapita dan kemiskinan boleh mempengaruhi pencapaian pendidikan.

Fungsi pengeluaran pendidikan adalah berasaskan idea bahawa pendidikan sekolah boleh ditunjukkan dalam bentuk proses pengeluaran di mana vektor input yang mengandungi pelajar, tingkat awal pencapaian dan pelbagai kriteria sekolah (guru, latihan, pengalaman, gaji, ratio murid kepada guru, kemudahan prasarana dan material pendidikan). Vignoles et.al (2000) mengenalpasti terdapat 3 kriteria kekurangan dalam literatur semasa berkenaan hubungan antara perbelanjaan dalam pendidikan dengan pencapaian pendidikan iaitu kekurangan teori yang kukuh dalam menyokong senario tersebut, kekurangan penyelesaian yang konkrit terhadap isu yang wujud dan kelemahan terhadap data-data yang wujud berkenaan isu tersebut. Setiap kekurangan tersebut adalah berhubung kait antara satu sama lain. Dengan menggunakan model Regresi *Ordinary Least Squares* (OLS), hubungan antara perbelanjaan pendidikan dengan pencapaian pendidikan dilihat dengan menggunakan analisis empirikal bagi menunjukkan hubungan antara perbelanjaan pendidikan dengan pencapaian pendidikan bergantung kepada anggaran persamaan seperti berikut. Melalui persamaan regresi, fungsi pengeluaran seperti yang dinyatakan oleh *Francois Leclercq* (2005) dinyatakan seperti berikut:

$$Y = f(X, W, Z) + u \dots\dots\dots (1)$$

Di mana X, W dan Z mewakili pembolehubah output seperti berikut:

- Y =pencapaian pendidikan: (ER)
- X = perbelanjaan pendidikan (bajet tahunan): (GEDU)
- W = pendapatan perkapita: (Ykap)
- Z = insiden kemiskinan Malaysia : (pov)
- u = ralat/ *error terms*

$$ER = Gedu^{\beta_1} Ykap^{\beta_2} pov^{\beta_3} e^u \dots\dots\dots (2)$$

Antara perkara-perkara yang diambilkira dalam menilai kadar enrolmen ini adalah bilangan murid, bilangan sekolah dan bilangan guru. Semua perkara ini melibatkan perbelanjaan kerajaan dalam sektor pendidikan. Oleh itu dengan meningkatkan perbelanjaan kerajaan, akses pendidikan akan menjadi lebih baik seperti peningkatan bilangan sekolah, nisbah guru kepada murid semakin

berkurangan dan purata saiz kelas menjadi lebih kecil. Dengan ini akan dapat membantu menaikkan kadar enrolmen pelajar setiap tahun. Persoalan ini yang cuba dilihat, adakah dengan meningkatnya perbelanjaan kerajaan dalam sektor pendidikan adalah berhubungan dengan kadar enrolmen di kalangan pelajar sekolah menengah ataupun sebaliknya. Menamatkan pengajian sekurang-kurangnya di peringkat sekolah menengah, akan membantu para pelajar memasuki pasaran kerja dengan persediaan untuk memasuki institusi pendidikan yang lebih tinggi. Indikator enrolmen ini menunjukkan sejauh mana sistem persekolahan berjaya menyediakan para pelajar untuk memasuki pasaran pekerjaan atau sistem pendidikan yang lebih tinggi dengan keperluan asas yang diperlukan. Meninggalkan sistem persekolahan lebih awal akan mewujudkan permasalahan kepada masyarakat dan individu tersebut. Oleh itu adalah menjadi matlamat kerajaan untuk meningkatkan enrolmen di kalangan pelajar terutama sehingga tamat 11 tahun pendidikan wajib dan mengurangkan kadar keciciran di kalangan pelajar di negara ini. Data yang digunakan dalam analisis regresi ini adalah enrolmen pendidikan sekolah menengah sebagai *dependant variabel*. Enrolmen sekolah menengah mengambilkira jumlah pelajar yang telah menamatkan pengajian 11 tahun yang wajib dilalui oleh semua pelajar tanpa mengambilkira umur. Perbelanjaan Kerajaan dalam sektor pendidikan merupakan peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Malaysia setiap tahun melalui bajet tahunan. Selain itu, dua *independent variabel* tambahan dimasukkan bagi melihat adakah ianya turut memberi kesan kepada pencapaian pendidikan iaitu pendapatan perkapita dan kadar kemiskinan.

Keputusan ke atas penilaian bagi melihat hubungan antara pencapaian pendidikan dengan perbelanjaan kerajaan dengan menggunakan kaedah OLS. *Dependent variabel* adalah enrolmen sekolah menengah atau ENR. *Independent variable* adalah perbelanjaan kerajaan dalam pendidikan (GEDU), insiden kemiskinan (POV) dan pendapatan perkapita (Ykap).

$$\text{ENR} = 7.21\text{E-}11\text{GEDU} - 0.658549\text{POV} + 0.001099\text{Ykap}, \text{ ser} = 2.637246,$$

$$\begin{matrix} (1.00\text{E-}10) & (0.069081) & (0.000180) \end{matrix}$$

$$R^2 = 0.976549$$

Dirumuskan bahawa dengan peningkatan perbelanjaan kerajaan sebanyak 1% dengan andaian faktor-faktor lain tetap akan meningkatkan pencapaian pendidikan sebanyak 0.72%. Pendapatan perkapita juga berhubung secara positif dengan pencapaian pendidikan di mana peningkatan 1% dalam pendapatan perkapita akan meningkatkan pencapaian pendidikan sebanyak 0.001%. Sementara itu, insiden kemiskinan tidak mempunyai hubungan negatif dan signifikan pada aras 1% dengan nilai koefisien sebanyak -0.65. Ini menunjukkan bahawa kejatuhan 1% dalam kadar kemiskinan, akan meningkatkan enrolmen pelajar di peringkat sekolah menengah sebanyak 6.5%. Penelitian model terbaik adalah berdasarkan keperluan memenuhi ciri-ciri ekonomi, statistik dan ekonometrik. Ia juga berjaya memenuhi ciri-ciri statistik dan selari dengan kajian-kajian terdahulu seperti Solow Swan (1957) dan Tallman (1994). Ia juga berjaya memenuhi ciri-ciri statistic berdasarkan pemboleh ubah eksogenus kerana berjaya menerangkan hampir hampir 97% ( $R^2 = 0.97$ ) terhadap pencapaian pendidikan.

## RUMUSAN

Malaysia telah mencapai tahap sejagat bagi pendidikan rendah dan menengah rendah. Manakala pendidikan menengah atas dan pra sekolah telah memperlihatkan kejayaan memastikan murid bersekolah. Kerajaan telah membangunkan banyak sekolah di seluruh Malaysia yang meningkatkan akses pendidikan. Pelbagai jenis bantuan dan subsidi disediakan oleh Kerajaan bagi menyokong pencapaian pendidikan pelajar. Secara umumnya keputusan peperiksaan awam menunjukkan peningkatan berterusan. Sistem pendidikan Malaysia telah diperluaskan dengan meletakkan sasaran meningkatkan peluang pendidikan dan menaiktaraf sistem pendidikan nasional secara keseluruhan. Usaha ini dapat dilaksanakan dengan meletakkan peruntukan yang besar dalam sektor pendidikan terutama dalam penyediaan infrastruktur pendidikan. Pendidikan rendah telah mencapai tahap universal di kalangan pelajar lelaki dan perempuan. Kadar celik huruf juga telah mencatatkan pencapaian yang semakin baik iaitu 93.1% pada tahun 2010 berbanding 85.2% pada 1990. Kadar guru yang mempunyai ijazah sarjana muda telah meningkat dari 14.3% pada 1990 kepada 55.8% pada 2010. Dasar kenaikan kelas secara automatik telah dapat menangani ketidakcekapan dalam pengulangan kelas dan mengurangkan kadar keciciran dalam kalangan murid. Seterusnya perkembangan pesat dalam pendidikan prasekolah yang meliputi program pendidikan awal, penjagaan kanak-kanak serta aktiviti pembangunan berkaitan telah menjadi agenda menyeluruh UNESCO. Peningkatan signifikan akses kepada pendidikan bagi rakyat Malaysia adalah seiring dengan peningkatan pencapaian sepanjang

tempoh 30 tahun. Pencapaian murid Malaysia dalam ketiga-tiga peperiksaan awam iaitu UPSR, PMR dan SPM telah menunjukkan keberhasilan yang hampir malar tetapi tetap meningkat. Dua pengukuran yang biasa digunakan adalah gred purata sekolah (GPS) dan peratus murid yang memperoleh gred lulus serta cemerlang. Seperti negara-negara lain, wujud kepelbagaian signifikan dalam pencapaian pendidikan Malaysia merentasi negeri, daerah, sekolah, kelas sosioekonomi dan gender. Beberapa jurang pencapaian dilihat semakin berkurangan dan kelas sosioekonomi kekal sebagai pemacu utama dalam keberhasilan pencapaian murid di Malaysia. Namun apabila dibuat perincian secara teliti kepada pencapaian Malaysia secara keseluruhan, kadar enrolmen pendidikan rendah tidak berkembang terus berbanding negara-negara maju seperti Korea Selatan dan Jepun. Pencapaian Malaysia dalam TIMMS tidak memberangsangkan, yang menaksir profisiensi murid dalam Matematik dan Sains dalam 3 jenis kemahiran iaitu mengingat pengetahuan, mengaplikasi pengetahuan dalam penyelesaian masalah dan kebolehan menaakul dalam menyelesaikan masalah. Murid Malaysia tidak dapat melaksanakan dengan baik dalam ketiga-tiga dimensi ini. Jika diteliti kedudukan Malaysia dalam PISA pula, kedudukan pencapaian Malaysia berada pada tahap lemah dan ini adalah pencapaian yang lebih rendah daripada jangkaan. Pencapaian pendidikan selain daripada dipengaruhi oleh perbelanjaan pendidikan oleh kerajaan, turut dipengaruhi oleh faktor-faktor lain yang perlu diambilkira. Malaysia secara umumnya telah melaburkan sumber kewangan yang signifikan bagi membangunkan infrastruktur dan akses pendidikan yang lebih baik dan menyeluruh di seluruh Negara. Perbelanjaan yang besar terhadap sektor pendidikan telah diterjemahkan kepada akses hampir sejagat bagi pendidikan rendah dan peningkatan signifikan akses kepada pendidikan menengah. Namun, dalam melangkah menuju sebagai sebuah negara berpendapatan tinggi, masih banyak lagi perkara diperbaiki, khususnya kualiti pendidikan. Prestasi Malaysia ketinggalan di belakang beberapa negara yang berapa pada tahap perbelanjaan yang sama atau lebih rendah. Senario ini memperlihatkan pendidikan memerlukan peruntukan kewangan untuk mencapai sesuatu sasaran dan matlamat, tetapi pada masa yang sama peruntukan tersebut perlu diletakkan pada faktor yang betul bagi memastikan kejayaan. Secara kesimpulannya, peruntukan yang besar bukan sebagai jaminan akan meningkatkan pencapaian pendidikan. Apa yang penting, bagaimana peruntukan tersebut digunakan secara optimum, serta disokong oleh persekitaran keluarga dan masyarakat akan membolehkan peningkatan pencapaian dalam pendidikan di Malaysia.

## RUJUKAN

- Andrew Sunil Rajkumar, Vinaya Swaroop, 2007, Public Spending and Outcomes: Does Governance Matter?, *Journal of Development Economics* 86 (2008)96-111
- Biswajit Maltra, C.K. Mukhopadhyay, 2012, Public Spending On Education, Health Care and Economics Growth In Selected Countries Of Asia and The Pacific, *Asia-Pacific Development Journal*, Vol.19, No.2.
- Bruce D. Baker, Revisiting The Age Old Question: Does Money Matter In Education?, The Albert Shanker Institute.
- Dan Lips, Shanea J.Watkins And John Fleming, 2008, Does Spending More On Education Improve Academic Achievement?, Background.
- Charlene Tow, 2006, The Effects Of School Funding On Student Academic Achievement, A Study Of California School Districts 2000-2004.
- \_\_\_\_\_, The Role Of Public Expenditure In The Provision Of Education And Helath, 2003, *Economic and Social Survey of Asia and The Pacific*.
- Elizabeth M.King, Susana Cordeiro, Education Reforms In East Asia: Policy, Process And Impact. EPA Global Monitoring Report, 2005
- Francois Leclercq, 2005, The Relationship Between Educational Expenditures And Outcomes.
- Ishak Yussof, Zainizam Zakariya, 2009, Pertumbuhan Ekonomi dan Keperluan Pendidikan Tinggi Di Malaysia, *Jurnal Ekonomi Malaysia* 43.
- Laporan Ekonomi Malaysia, Pelbagai Siri, Kementerian Kewangan Malaysia
- Ludger Wobmann, 2006, International Evidence On Expenditure And Class Size: A Review.
- R.Ramesh Roa, Rohana Jani, 2009. Spurring Economic Growth Education: The Malaysian Approach, *Educational Research and Review* Vol.4, pp. 135-140.
- Malaysia Quality Life Index, 2011, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri
- Norain Mat Lazim, Nooriah Yusof, 2012, Universiti, Pembangunan Modal Insan Dan Penumpuan Ruang Komuniti Berpendidikan Tinggi Di Malaysia: Suatu Ulasan Kritis, *Journal of Social Sciences and Humanities*, Volume 7, Number 2, 308-327

- Norain Mod Asri Md,Md. Zyadi Md. Tahir, Wook Endut, 2010, Komposisi Perbelanjaan Kerajaan Dan Pertumbuhan Ekonomi: Kajian Empirikal Di Malaysia, Jurnal Kemanusiaan
- Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, 2013-2025, Kementerian Pendidikan Rancangan Malaysia, Pelbagai Siri, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri
- Tajulddin Muhammad, Faridah Karim, Muhammad Hussin, Rahmah Ismail, 2008, Analisis Kesan Pelaburan Dalam Pendidikan Tertiari Terhadap Pertumbuhan Ekonomi Malaysia (1970-2005), Prosiding Perkem III (2008)887-905.
- William E.Bibb, Larry Mcneal, 2012, The Relation Between Per Pupil Expenditures and Students Achievement In Tennessee, American International Journal of Contemporary Research, Vol.2 No.3, March 2012.